



# PENGUNAAN APLIKASI *WORDWALL* SEBAGAI STRATEGI PENGAJARAN INOVATIF DALAM PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA ARAB

## *THE USE OF WORDWALL APPLICATION AS AN INNOVATIVE TEACHING STRATEGY IN ARABIC VOCABULARY MASTERY*

Afifah Azmi<sup>1\*</sup>, Ummi Syarah Ismail<sup>2</sup>, Puteri Faida Alya Zainudin<sup>3</sup>, Ijlal Saja<sup>4</sup>, Siti Rohani Jasni<sup>5</sup>

- <sup>1</sup> Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis Kampus Arau, Perlis, Malaysia  
Email: afifah169@uitm.edu.my
- <sup>2</sup> Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis Kampus Arau, Perlis, Malaysia  
Email: ummi@uitm.edu.my
- <sup>3</sup> Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia  
Email: puterifaida@uitm.edu.my
- <sup>4</sup> Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah, Melaka, Malaysia  
Email: ijlalsaja@uitm.edu.my
- <sup>5</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu Sabah, Malaysia  
Email: s\_rohani@ums.edu.my
- \* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 18.06.2025  
Revised date: 09.07.2025  
Accepted date: 13.08.2025  
Published date: 10.09.2025

#### To cite this document:

Azmi, A., Ismail, U. S., Zainudin, P. F. A., Saja, I., & Jasni, S. R. (2025). Penggunaan Aplikasi *Wordwall* Sebagai Strategi Pengajaran Inovatif Dalam Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab. *International Journal of Modern Education*, 7 (26), 635-648.

### Abstrak:

Pendidikan abad ke-21 menuntut penggunaan teknologi secara strategik dalam pengajaran bahasa bagi merangsang penglibatan pelajar dan memperkayakan pengalaman pembelajaran secara dinamik. Penggunaan teknologi ini bukan sahaja menjadikan proses pembelajaran lebih menarik, malah turut menggalakkan pelajar untuk lebih aktif dan terlibat secara langsung dalam aktiviti pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan aplikasi *Wordwall* dalam penguasaan kosa kata Bahasa Arab dalam kalangan pelajar dengan fokus utama kepada aspek minat, motivasi dan pengetahuan pelajar. Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Arab kod TAC401 di UiTM cawangan Perlis. Kaedah pengumpulan data utama adalah melalui soal selidik yang mengandungi item-item yang berkaitan dengan minat, motivasi, dan penguasaan kosa kata pelajar selepas menggunakan *Wordwall* dalam PdP. Soal selidik ini menggunakan skala Likert 5 mata untuk menilai respons pelajar terhadap aktiviti pembelajaran tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan

DOI: 10.35631/IJMOE.726042

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)

*Wordwall* berjaya meningkatkan minat dan motivasi pelajar untuk belajar kosa kata Bahasa Arab. Di samping itu, pelajar juga menunjukkan peningkatan dalam penguasaan kosa kata mereka dengan kebanyakan mereka mengakui lebih mudah mengingat dan menggunakan perkataan dalam ayat selepas mengikuti aktiviti *Wordwall*. Kajian ini mencadangkan bahawa integrasi aplikasi *Wordwall* dalam pembelajaran Bahasa Arab dapat memberikan pengalaman yang lebih menyenangkan, berkesan dan relevan bagi pelajar dalam konteks pendidikan digital.

**Kata kunci:**

Aplikasi *Wordwall*, Kosa Kata, Minat, Motivasi Pelajar, Pembelajaran Bahasa Arab.

**Abstract:**

21st-century education demands the strategic use of technology in language teaching to stimulate student engagement and enrich the learning experience dynamically. The use of technology not only makes the learning process more interesting but also encourages students to be more active and directly involved in learning activities. This study aims to evaluate the effectiveness of using the *Wordwall* application in the mastery of Arabic vocabulary among students, with a primary focus on the aspects of interest, motivation, and student knowledge. The study involves students enrolled in the Arabic language course with the code TAC401 at UiTM Perlis Branch. The main data collection method was a questionnaire containing items related to students' interest, motivation, and vocabulary mastery after using *Wordwall* in teaching and learning sessions. The questionnaire employed a 5-point Likert scale to assess students' responses to the learning activity. The findings indicate that the use of *Wordwall* successfully increased students' interest and motivation in learning Arabic vocabulary. Additionally, students also showed improvement in their vocabulary mastery, with most of them acknowledging that it became easier to remember and use words in sentences after participating in the *Wordwall* activities. This study suggests that the integration of the *Wordwall* application into Arabic language learning can provide a more enjoyable, effective, and relevant experience for students in the context of digital education.

**Keywords:**

*Wordwall* Application, Vocabulary, Interest, Student Motivation, Arabic Language Learning.

**Pendahuluan**

Seramai 491 juta penduduk dunia menggunakan bahasa Arab (IstiZada, 2025). Hal ini menjadikan bahasa Arab antara bahasa komunikasi terpenting di dunia. Penguasaan kosa kata merupakan komponen asas yang amat penting dalam pembelajaran bahasa kedua. Dalam konteks pembelajaran Bahasa Arab di institusi pengajian tinggi di Malaysia, penguasaan kosa kata yang baik dapat membantu pelajar memahami teks, membina ayat yang betul serta berkomunikasi secara efektif. Namun begitu, pelbagai cabaran dihadapi oleh pelajar bukan penutur asli, termasuk kekangan dalam menghafal, kurang pendedahan kepada bahasa dalam kehidupan harian dan kaedah pengajaran yang tidak menarik. Akibatnya pelajar menjadi

kurang berminat dan tidak bermotivasi untuk menguasai kosa kata sekali gus menjejaskan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

Dalam era pendidikan abad ke-21, pelbagai inovasi telah diperkenalkan bagi menangani cabaran tersebut. Pendekatan pengajaran berasaskan teknologi semakin mendapat tempat, terutamanya selepas fasa pandemik COVID-19 yang telah mengubah landskap pengajaran dan pembelajaran secara menyeluruh. Salah satu aplikasi yang semakin popular dalam kalangan pendidik ialah *Wordwall*, iaitu platform interaktif yang menyediakan pelbagai bentuk aktiviti seperti kuiz, padanan, teka silang kata dan roda putaran yang boleh disesuaikan dengan kandungan pembelajaran. Elemen gamifikasi yang dibawa oleh *Wordwall* menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan.

Minat dan motivasi pelajar merupakan faktor penting dalam memastikan kejayaan pembelajaran bahasa. Kajian oleh Ibrahim & Noor (2021) menunjukkan bahawa penggunaan *Wordwall* dalam pengajaran kosa kata Bahasa Arab telah berjaya meningkatkan motivasi intrinsik pelajar untuk terus belajar di luar waktu kelas. Tambahan pula, pelajar lebih mudah memahami dan mengingat kosa kata apabila aktiviti pembelajaran disampaikan dalam bentuk visual dan interaktif, seperti yang dibuktikan dalam kajian oleh Zainuddin & Hanafi (2022). Dalam kajian tersebut, pelajar IPT yang terlibat menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam ujian kosa kata selepas mengikuti sesi pembelajaran menggunakan *Wordwall* secara berterusan.

Namun begitu, terdapat jurang penyelidikan dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia khususnya yang meneliti secara menyeluruh bagaimana *Wordwall* mempengaruhi tahap minat, motivasi dan penguasaan kosa kata pelajar dalam Bahasa Arab. Kebanyakan kajian tertumpu kepada peringkat sekolah menengah atau rendah. Oleh itu, kajian ini amat penting untuk meneroka bagaimana *Wordwall* boleh dimanfaatkan sebagai satu strategi pengajaran inovatif dalam konteks pengajian tinggi, sejajar dengan aspirasi pendidikan digital negara.

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada bagaimana *Wordwall* dapat membantu meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar melalui aktiviti yang menyeronokkan dan interaktif, selain menganalisis tahap keberkesannya dari aspek minat pelajar, motivasi serta penguasaan pengetahuan kosa kata Bahasa Arab. Pendekatan ini sejajar dengan tuntutan Kurikulum Standard Bahasa Arab yang menekankan aspek keberkesanan pengajaran, pencapaian hasil pembelajaran dan penerapan teknologi dalam PdP.

### **Permasalahan Kajian**

Penguasaan kosa kata merupakan elemen asas dalam pembelajaran Bahasa Arab kerana ia memainkan peranan penting dalam pemahaman teks, pembinaan ayat dan komunikasi yang berkesan. Namun begitu, pelajar bukan penutur asli di institusi pengajian tinggi masih menghadapi kesukaran dalam menguasai kosa kata Bahasa Arab secara berkesan. Antara faktor yang dikenal pasti termasuklah kurangnya minat, tahap motivasi yang rendah serta kaedah penyampaian yang kurang menarik dan bersifat tradisional (Ibrahim & Noor, 2021).

Dalam era digital kini, pelbagai aplikasi berasaskan teknologi telah diperkenalkan bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Salah satu aplikasi yang kian mendapat perhatian dalam pengajaran bahasa ialah *Wordwall*, yang menyediakan pelbagai aktiviti interaktif dan berasaskan permainan. Namun begitu, walaupun penggunaan *Wordwall*

semakin meluas dalam bilik darjah, kajian secara menyeluruh tentang keberkesanannya dalam konteks pembelajaran kosa kata Bahasa Arab di peringkat institusi pengajian tinggi di Malaysia masih terhad (Zainuddin & Hanafi, 2022).

Tambahan pula, terdapat keperluan untuk menilai sama ada penggunaan *Wordwall* dapat merangsang minat dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab serta meningkatkan penguasaan pengetahuan kosa kata mereka. Jurang kajian ini perlu diisi bagi memastikan strategi pengajaran yang digunakan benar-benar memberi impak terhadap pencapaian pelajar. Tanpa kajian yang menyeluruh, keberkesanan penggunaan aplikasi ini hanya akan dianggap sebagai satu pendekatan sementara tanpa asas yang kukuh untuk disokong secara berterusan dalam kurikulum pengajian.

### Objektif Kajian

- 1 Mengenal pasti tahap minat dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran kosa kata Bahasa Arab melalui penggunaan aplikasi *Wordwall*.
- 2 Menganalisis kesan penggunaan *Wordwall* terhadap peningkatan pengetahuan dan penguasaan kosa kata Bahasa Arab pelajar selepas mengikuti aktiviti pembelajaran menggunakan aplikasi *Wordwall*.
- 3 Menganalisis keberkesanan menggunakan *Wordwall* dari aspek minat, motivasi dan pengetahuan mengikut jantina.

### Tinjauan Literatur

Kemajuan teknologi dalam pendidikan bahasa telah membawa kepada penggunaan pelbagai aplikasi digital untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Salah satu aplikasi yang mendapat perhatian dalam kajian terkini ialah *Wordwall* yang digunakan secara meluas dalam membantu pelajar menguasai kosa kata bahasa asing termasuk Bahasa Arab. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi ini dapat meningkatkan motivasi, minat, serta keberkesanan pembelajaran pelajar dalam penguasaan kosa kata.

#### ***Penggunaan Wordwall Sebagai Strategi Dalam Pengajaran Kosa Kata***

Kajian Alfares (2025) membuktikan aplikasi *Word Wall* dapat meningkatkan pencapaian kosa kata pelajar di Arab Saudi. Kajian eksperimental digunakan dengan membandingkan hasil keputusan kumpulan rawatan adalah tinggi berbanding kawalan pada skor sebelum dan selepas. Dapatan tidak menyelidiki aspek motivasi pelajar dan kemahiran guru dalam penggunaan teknologi. Kajian ini juga terhad kepada sampel kecil yang belajar bahasa Inggeris dan tidak merangkumi pelajar lelaki. Justeru penyelidikan aspek strategi pengajaran bahasa Arab diketengahkan.

Kajian Ilahiyati, N., Rohmah, Z., & Hamamah, H. (2023) yang bertajuk "*The Implementation Of Wordwall Games In Vocabulary Learning*" membahas penggunaan aplikasi berbasis online "*WordWall games*" sebagai alat pembelajaran kosa kata. Hasil penelitian menunjukkan bahawa penggunaan permainan *WordWall* sebagai alat pembelajaran efektif dalam meningkatkan pengucapan, penghafalan, dan kemampuan menyusun kalimat atau kosa kata. Ini menunjukkan bahawa media berasaskan teknologi, terutamanya permainan, mempunyai kesan dalam meningkatkan daya ingatan, terjemahan, dan pembinaan ayat. Perlu diperhatikan bahawa pelajar menunjukkan tindak balas positif semasa pembelajaran, walaupun terdapat beberapa masalah dalam pembelajaran kosa kata, tetapi hal ini tidak menghalang proses pembelajaran secara signifikan.

Untuk mencapai kemahiran dalam berbahasa Arab, pembelajaran perlu disertai dengan penggunaan media yang dapat membantu pelajar memahami dan mempelajari bahasa tersebut dengan lebih mudah. Menurut Turohmah, Fauzia & Mayori (2020), salah satu kaedah yang berkesan dalam mengembangkan kosa kata bahasa Arab adalah melalui penggunaan media *Wordwall*. Mereka berpendapat bahawa *Wordwall* merupakan media yang tepat dan berkesan berdasarkan kaedah kajian kepustakaan. Hasil tinjauan kajian mereka, dapat disimpulkan bahawa penggunaan media *Word Wall* dalam meningkatkan keupayaan mengingat kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar merupakan satu pembaharuan dalam model pembelajaran bahasa Arab. Teknik menampal kosa kata di dinding memudahkan pelajar dalam menghafal dan mengingat perkataan tersebut. Dengan itu, pelajar dapat menggunakan bahasa Arab secara aktif serta memahami makna setiap perkataan dengan lebih baik.

Selain itu, kajian oleh Hassan dan Zainal (2020) mendapati bahawa pelajar yang menggunakan *Wordwall* dalam pembelajaran Bahasa Arab menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam ujian kosa kata berbanding pelajar yang menggunakan kaedah pengajaran konvensional. Mereka juga menyatakan bahawa aplikasi ini membantu dalam pengukuhan memori jangka panjang kerana penggunaan elemen visual dan interaktif yang membantu pelajar untuk lebih mudah mengingat perkataan-perkataan yang dipelajari.

Tambahan lagi, pembelajaran berasaskan permainan (game-based learning) merupakan satu pendekatan yang menggunakan elemen permainan dalam konteks pendidikan untuk meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar. Kajian oleh Prensky (2001) menunjukkan bahawa pembelajaran yang melibatkan elemen permainan dapat meningkatkan daya tumpuan dan motivasi pelajar kerana ia menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan menyeronokkan. *Wordwall*, sebagai satu alat pembelajaran berasaskan permainan, membolehkan pelajar untuk berinteraksi dengan kandungan pembelajaran secara aktif dan memberi maklum balas segera tentang prestasi mereka, yang seterusnya membantu dalam pengukuhan pemahaman dan penguasaan kosa kata.

### ***Keberkesanan Wordwall dalam Meningkatkan Motivasi dan Minat Pelajar***

Penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa telah berkembang pesat, terutamanya melalui pendekatan permainan interaktif. Kajian oleh Saariah et al. (2024) meneliti keberkesanan media *Wordwall* dalam penguasaan kosa kata Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian eksperimen ini mendapati bahawa pendekatan pembelajaran melalui permainan yang disediakan oleh *Wordwall* mampu meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar secara signifikan. Melalui aktiviti interaktif seperti kuiz, roda putaran dan padanan perkataan, pelajar lebih mudah mengingat dan memahami kosa kata yang diajar. Kajian ini menegaskan bahawa penggunaan *Wordwall* bukan sahaja menjadikan pembelajaran lebih menarik bahkan turut membantu pelajar membina penguasaan kosa kata secara lebih berkesan dan menyeronokkan. Justeru, pendekatan ini wajar diterapkan dalam pengajaran kosa kata sama ada bagi Bahasa Arab mahupun bahasa asing yang lain seperti Bahasa Inggeris.

Dalam usaha memperkasa penguasaan kosa kata Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah, kajian oleh Hajar et al. (2024) meneliti keberkesanan penggunaan media *Wordwall* sebagai alat bantu pengajaran yang interaktif dan menyeronokkan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui pendekatan eksperimen melibatkan dua kumpulan pelajar iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen diajar menggunakan



media interaktif *Wordwall* manakala kumpulan kawalan menggunakan kaedah konvensional. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan *Wordwall* secara signifikan membantu meningkatkan penguasaan kosa kata Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Ciri interaktif dan elemen permainan dalam *Wordwall* meningkatkan motivasi, tumpuan, dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran. Kajian ini mencadangkan agar guru mengintegrasikan media digital seperti *Wordwall* dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab untuk menarik minat dan meningkatkan keberkesanan pengajaran kosa kata.

Pendapat ini disokong oleh kajian Hanifah Nur Azizah (2018), yang menyatakan bahawa penggunaan media *Word Wall* merupakan salah satu media alternatif yang berkesan untuk meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab. Berdasarkan hasil pengolahan data, didapati bahawa pembelajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar dengan menggunakan media *Word Wall* dinilai sebagai berkesan. Keberkesanan ini dibuktikan melalui hasil pembelajaran, di mana kejayaan proses pembelajaran diukur berdasarkan perubahan positif dalam diri pelajar secara menyeluruh atau sekurang-kurangnya sebanyak 75%.

Walaupun kajian ini tidak secara langsung melibatkan pengajaran Bahasa Arab, penyelidikan oleh Almuafa dan Alqurashi (2025) yang dijalankan dalam konteks pengajaran kosa kata Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (EFL) tetap relevan untuk dibincangkan. Kajian ini membuktikan bahawa penggunaan aplikasi *Wordwall* secara interaktif memberi kesan positif terhadap pencapaian pelajar dari segi penguasaan kosa kata. Melalui pendekatan kuasi-eksperimen, hasil kajian menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam prestasi pelajar yang menggunakan *Wordwall* berbanding kumpulan yang mengikuti kaedah pembelajaran konvensional. Selain itu, aplikasi ini juga didapati mampu meningkatkan minat, tumpuan dan keterlibatan pelajar sepanjang proses pembelajaran. Dapatan ini mengisyaratkan bahawa pendekatan digital dan berasaskan gamifikasi seperti *Wordwall* berpotensi besar untuk diterapkan dalam pengajaran kosa kata Bahasa Arab terutamanya dalam mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan bermakna.

Secara keseluruhannya, kajian tersebut menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi seperti *Wordwall* dapat membantu pelajar membina penguasaan kosa kata yang lebih baik, selain menjadikan suasana pembelajaran lebih menyeronokkan dan interaktif. Ini membuktikan bahawa pendekatan berasaskan teknologi berpotensi besar untuk diterapkan dalam pengajaran bahasa, terutamanya dalam kalangan generasi pelajar yang dekat dengan dunia digital.

### Metodologi Kajian

Kajian ini telah menggunakan kaedah kuantitatif bagi menguji keberkesanan aplikasi *Wordwall* sebagai salah satu medium bantuan pembelajaran khusus bagi Bahasa Arab. Namun, ianya berfokuskan kepada faktor minat, motivasi dan pengetahuan. Seramai 157 orang pelajar UiTM Cawangan Perlis yang mengambil kursus bahasa ketiga (TAC401) iaitu Bahasa Arab di peringkat pertama di UiTM dari pelbagai fakulti pada semester Mac 2024 sehingga Julai 2024, namun hanya 48 orang pelajar telah dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Borang soal selidik telah diberikan sebagai alat untuk mendapatkan data responden. Terdapat 3 bahagian dalam soal selidik ini iaitu bahagian pertama adalah berkaitan dengan latar belakang responden, bahagian kedua pula mengandungi 6 soalan berkaitan dengan faktor minat dan motivasi terhadap penggunaan *Wordwall*, manakala bahagian terakhir mengandungi 4 soalan berkaitan faktor peningkatan pengetahuan responden selepas penggunaan *Wordwall*. Skala likert 5 telah digunakan bagi mengetahui tahap

persetujuan di bahagian kedua dan ketiga dalam soal selidik iaitu dengan pilihan (1) STS (Sangat Tidak Setuju), (2) TS (Tidak Setuju), (3) S (Setuju), (4) TP (Tidak Pasti), dan (5) SS (Sangat Setuju).


Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics* versi 29. Deskriptif statistik digunakan untuk memahami data dengan mendapatkan nilai kekerapan dan peratusan. Min skor turut diperoleh bagi faktor-faktor yang menggunakan Skala Likert. Menurut Boone dan Boone (2012), nilai min dan sisihan piawai boleh digunakan bagi menerangkan data yang menggunakan Skala Likert dengan menggabungkan soalan jenis atau faktor yang sama. Interpretasi bagi setiap min skor yang diperoleh pula adalah mengikut Moidunny (2009) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Inferensi statistik turut digunakan bagi melihat keberkesanan mengikut jantina dengan menggunakan ujian Mann-Whitney U. Analisis Nonparametrik digunakan disebabkan oleh data bagi ketiga-tiga faktor adalah tidak normal setelah ujian Shapiro-Wilk dijalankan dan menemukan *p-value* kesemuanya adalah kurang dari 0.05 (Pallant, 2020).

**Jadual 1: Interpretasi Min Skor Kajian**

| Skor Min    | Interpretasi  |
|-------------|---------------|
| 1.00 – 1.89 | Sangat Rendah |
| 1.90 – 2.69 | Rendah        |
| 2.70 – 3.49 | Sederhana     |
| 3.49 – 4.29 | Tinggi        |
| 4.30 – 5.00 | Sangat Tinggi |

## Hasil Dapatan

Berdasarkan rajah di bawah, majoriti responden dalam kajian ini adalah perempuan dengan seramai 27 orang daripada 48 responden kesemuanya. Manakala dari segi umur pula, kebanyakan responden kajian berumur 20 dan 21 tahun iaitu seramai 39 orang atau 56.3%. Ini kerana responden adalah dikalangan pelajar yang sedang mengambil ijazah sarjana muda bukan bidang Bahasa Arab yang berada pada semester satu (lulusan selain diploma) dan semester dua sahaja (lulusan diploma).



**Rajah 1: Demografi Responden Kajian**

Jadual 2 menunjukkan faktor minat responden selepas menggunakan *Wordwall* dan dapatan mendedahkan bahawa kesemua pernyataan berada di tahap yang sangat tinggi dengan min skor 4.44 dan sisihan piawai 0.81 secara keseluruhan. Taburan kekerapan turut membuktikan lebih 70% responden setuju dengan semua pernyataan walaupun terdapat sedikit variasi jawapan responden. Dapatan ini sejajar dengan kajian lepas oleh Zaini dan Razak (2022) yang mendapati bahawa penggunaan teknologi seperti *Wordwall* mampu menarik minat pelajar dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Ini memerihalkan bahawa *Wordwall* juga boleh menjadi daya tarikan kepada pelajar untuk mempelajari kosa kata Arab dalam kajian ini.

**Jadual 2: Tahap Minat Pelajar Dalam Penggunaan *Wordwall***

| Pernyataan                                                                                    | (1)         | (2)           | (3)       | (4)         | (5)           | Min  | Sisihan<br>Piawai | Inter-<br>pretasi |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|---------------|-----------|-------------|---------------|------|-------------------|-------------------|
|                                                                                               | STS         | TS            | TP        | S           | SS            |      |                   |                   |
|                                                                                               | N<br>(%)    | N<br>(%)      | N<br>(%)  | N<br>(%)    | N<br>(%)      |      |                   |                   |
| Penggunaan <i>Wordwall</i> amat menyeronokkan dalam pembelajaran bahasa Arab.                 | 1<br>(2.1%) | 11<br>(22.9%) | 0<br>(0%) | 0<br>(0%)   | 36<br>(75.0%) | 4.46 | 0.988             | Sangat Tinggi     |
| Penggunaan aplikasi <i>Wordwall</i> dapat membantu mengingat kosa kata Arab dengan mudah.     | 0<br>(0%)   | 14<br>(29.2%) | 0<br>(0%) | 1<br>(2.1%) | 33<br>(68.8%) | 4.40 | 0.917             | Sangat Tinggi     |
| Aplikasi <i>Wordwall</i> meningkatkan minat saya dalam pembelajaran kosa kata Arab yang baru. | 0<br>(0%)   | 13<br>(27.1%) | 0<br>(0%) | 0<br>(0%)   | 35<br>(72.9%) | 4.46 | 0.898             | Sangat Tinggi     |
| Jumlah                                                                                        |             |               |           |             |               | 4.44 | 0.81              | Sangat Tinggi     |

Faktor motivasi yang mendorong seseorang mempelajari kosa kata Bahasa Arab turut dinilai, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Dapatan menunjukkan 75% daripada mereka bersetuju bahawa *Wordwall* mampu memacu motivasi diri dalam pembelajaran Bahasa Arab. Malah, hampir 67% lebih terdorong belajar dengan adanya aplikasi *Wordwall* dan bersetuju ia dapat memberi kemudahan dalam memahami kosa kata sekali gus, berupaya merangsang motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab. Secara keseluruhan, penerimaan *Wordwall* dalam pembelajaran adalah sangat tinggi dalam meningkatkan motivasi responden dengan min skor, 4.44 dan sisihan piawai, 0.81. Ini seiring dengan dapatan Alifia et al. (2024) yang mendapati bahawa elemen yang ada dalam permainan interaktif ini berkeupayaan menyuntik semangat pelajar untuk mempelajari dan menghafal kosa kata Bahasa Arab. Begitu juga kajian daripada Mawaddah et al. (2024) yang menggunakan kaedah temu bual dengan guru bahasa Arab



mendapati bahawa pelajar mereka lebih berminat dan bermotivasi untuk mempelajari bahasa Arab selepas menggunakan *Wordwall*. Malahan, kajian Husin (2023) turut menemukan bahawa minat pelajar dalam mempelajari Bahasa Melayu telah meningkat selepas menggunakannya. Hal ini menunjukkan penerimaan yang positif terhadap aplikasi tersebut.

**Jadual 3: Tahap Minat Pelajar Dalam Penggunaan Wordwall**

| Pernyataan                                                                                                                     | (1)         | (2)           | (3)       | (4)         | (5)           | Min  | Sisihan<br>Piawai | Inter-<br>pretasi |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|---------------|-----------|-------------|---------------|------|-------------------|-------------------|
|                                                                                                                                | STS         | TS            | TP        | S           | SS            |      |                   |                   |
|                                                                                                                                | N<br>(%)    | N<br>(%)      | N<br>(%)  | N<br>(%)    | N<br>(%)      |      |                   |                   |
| Penggunaan<br>aplikasi wordwall<br>dapat<br>meningkatkan<br>motivasi dalam<br>pembelajaran<br>bahasa Arab.                     | 0<br>(0%)   | 12<br>(25.0%) | 0<br>(0%) | 1<br>(2.1%) | 35<br>(72.9%) | 4.48 | 0.875             | Sangat<br>Tinggi  |
| Saya lebih<br>bersemangat untuk<br>mempelajari<br>bahasa Arab<br>terutamanya kosa<br>kata dengan<br>aplikasi <i>Wordwall</i> . | 1<br>(2.1%) | 15<br>(31.3%) | 0<br>(0%) | 0<br>(0%)   | 32<br>(66.7%) | 4.29 | 1.051             | Tinggi            |
| Penggunaan<br><i>wordwall</i> dapat<br>membantu pelajar<br>memahami kosa<br>kata Arab dengan<br>mudah                          | 0<br>(0%)   | 16<br>(33.3%) | 0<br>(0%) | 0<br>(0%)   | 32<br>(66.7%) | 4.33 | 0.953             | Sangat<br>Tinggi  |
| Jumlah                                                                                                                         |             |               |           |             |               | 4.44 | 0.81              | Sangat<br>Tinggi  |

Dari sudut peningkatan pengetahuan selepas penggunaan *Wordwall* yang ditunjukkan dalam Jadual 4, didapati bahawa majoriti responden, 62.5%, berpendapat ianya boleh menjadi satu bahan pembelajaran untuk memperdalam pemahaman kosa kata Arab. Nilai min 4.27 menunjukkan pada tahap persetujuan yang tinggi dengan sedikit variasi dalam jawapan responden (Sisihan Piawai = 0.972). Begitu juga sebagai alat ulang kaji dalam memperingati kosa kata yang susah untuk dihafal, hampir 65% responden menyetujuinya. Malah, 67% atau min 4.33 menunjukkan pada tahap persetujuan yang sangat tinggi terhadap keberkesanan *Wordwall* dalam memperbanyakkan kosa kata Arab mereka. Sebagaimana juga 71% responden merasakan aplikasi ini sangat berkesan untuk menambah penguasaan kosa kata baharu dengan tahap penerimaan yang sangat tinggi berdasarkan min 4.44. Secara menyeluruh, nilai min bagi faktor pengetahuan memaparkan pada tahap yang sangat tinggi dengan sisihan piawai 0.814.

**Jadual 4: Tahap Pengetahuan Pelajar Dalam Penggunaan Wordwall**

| Penyataan                                                                                                                                | (1)<br>STS<br>N<br>(%) | (2)<br>TS<br>N<br>(%) | (3)<br>TP<br>N<br>(%) | (4)<br>S<br>N<br>(%) | (5)<br>SS<br>N<br>(%) | Min  | Sisihan<br>Piawai | Inter-<br>pretasi |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|-----------------------|-----------------------|----------------------|-----------------------|------|-------------------|-------------------|
| Penggunaan aplikasi <i>Wordwall</i> membantu meningkatkan pengetahuan saya dalam setiap topik kosa kata Arab yang diajar oleh pensyarah. | 0 (0%)                 | 17 (35.4%)            | 0 (0%)                | 1 (2.1%)             | 30 (62.5%)            | 4.27 | 0.972             | Tinggi            |
| Kaedah mengulangkaji menggunakan <i>Wordwall</i> sesuai untuk meningkatkan pengetahuan kosa kata yang sukar diingati.                    | 0 (0%)                 | 17 (35.4%)            | 0 (0%)                | 0 (0%)               | 31 (64.6%)            | 4.29 | 0.967             | Tinggi            |
| Dengan menggunakan aplikasi <i>Wordwall</i> ini, pengetahuan saya mengenai kosa kata baharu bertambah dari sebelum ini.                  | 0 (0%)                 | 16 (33.3%)            | 0 (0%)                | 0 (0%)               | 32 (66.7%)            | 4.33 | 0.953             | Sangat Tinggi     |
| Dengan menggunakan aplikasi <i>Wordwall</i> ini, saya dapat mengetahui perkataan-perkataaan baharu.                                      | 0 (0%)                 | 13 (27.1%)            | 0 (0%)                | 1 (12.1%)            | 34 (70.8%)            | 4.44 | 0.897             | Sangat Tinggi     |
| Jumlah                                                                                                                                   |                        |                       |                       |                      |                       | 4.33 | 0.814             | Sangat Tinggi     |

**Jadual 5: Analisis Keberkesanan Berdasarkan Jantina**

|                        | Minat   | Motivasi | Pengetahuan |
|------------------------|---------|----------|-------------|
| Mann-Whitney U         | 240.000 | 264.500  | 263.500     |
| Wilcoxon W             | 618.000 | 495.500  | 641.500     |
| Z                      | -1.062  | -.450    | -.468       |
| Asymp. Sig. (2-tailed) | .288    | .653     | .640        |

Grouping Variable: Jantina

Keberkesanan faktor minat, motivasi dan pengetahuan sesudah menggunakan *Wordwall* mengikut jantina turut diuji. Jadual 5 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan ( $p\text{-values} > 0.05$ ) mengikut kumpulan lelaki atau perempuan bagi ketiga-tiga faktor tersebut terhadap pembelajaran bahasa Arab dengan menggunakan aplikasi *Wordwall*. Ini bererti, jantina mempunyai penilaian yang sama dari sudut minat, motivasi mahupun pengetahuan setelah menggunakannya. Kajian Zaini dan Razak (2022) turut menemukan tiada perbezaan jantina terhadap motivasi pengguna *Wordwall* dalam subjek Pendidikan Islam. Di samping itu, kajian Husin (2023) terhadap minat dalam penggunaan bahan gamifikasi seperti *Wordwall*, *Quizizz*, dan *Kahoot* bagi Bahasa Melayu juga menjumpai tiada perbezaan antara jantina. Hal ini membuktikan bahawa aplikasi *Wordwall* mampu memberi manfaat yang sama rata kepada pelajar tanpa mengira jantina dalam mendalami dan memahami kosa kata bahasa Arab.

### Perbincangan

Penggunaan aplikasi *Wordwall* dalam pembelajaran Bahasa Arab membawa pelbagai manfaat, antaranya:

1. **Meningkatkan Penguasaan Kosa Kata:** Aktiviti seperti padanan perkataan, teka silang kata, dan permainan interaktif dalam *Wordwall* dapat membantu pelajar mengingat dan memahami kosa kata dengan lebih baik. Kajian oleh Zulkifl et al. (2020) mendapati bahawa pelajar yang menggunakan *Wordwall* secara berterusan menunjukkan peningkatan dalam ujian kosa kata mereka. Pengulangan melalui kaedah gamifikasi juga membantu dalam memperkukuh ingatan jangka panjang terhadap perkataan baharu.
2. **Memperkukuh Tatabahasa:** *Wordwall* membolehkan guru mencipta latihan tatabahasa yang menarik dan interaktif, yang dapat membantu pelajar memahami dan mengaplikasikan tatabahasa dengan lebih mudah. Kajian oleh Setyorini et al. (2024) menunjukkan bahawa latihan berbentuk gamifikasi melalui *Wordwall* membantu pelajar mengenal pasti kesalahan tatabahasa dengan lebih berkesan dan meningkatkan ketepatan dalam penggunaan struktur ayat Bahasa Arab.
3. **Meningkatkan Kemahiran Komunikasi:** Melalui aktiviti interaktif seperti perbualan simulasi atau permainan kata, pelajar dapat meningkatkan kemahiran lisan dan tulisan mereka dalam Bahasa Arab. Menurut kajian Turohmah et al. (2020), penggunaan aplikasi *Wordwall* dalam aktiviti perbualan interaktif memberikan kesan positif dalam membina keyakinan pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa sasaran, terutama dalam kelas yang menggunakan pendekatan pembelajaran koperatif.
4. **Meningkatkan Motivasi Pelajar:** Aktiviti yang interaktif dan menyeronokkan dalam *Wordwall* dapat meningkatkan minat dan motivasi pelajar untuk belajar Bahasa Arab, sekaligus mengurangkan kebosanan yang mungkin timbul dengan kaedah tradisional.

Kajian oleh Setiawan (2024) mendapati bahawa pelajar lebih bersemangat untuk menyertai kelas yang menggunakan Wordwall kerana elemen permainan menjadikan pembelajaran lebih menarik.

### Kesimpulan

Penggunaan aplikasi *Wordwall* dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab menawarkan pendekatan yang inovatif dan interaktif untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa elemen interaktif dan permainan yang disediakan oleh aplikasi ini dapat meningkatkan motivasi dan keterlibatan pelajar, sekaligus memperbaiki pemahaman dan ingatan mereka terhadap kosa kata baru. *Wordwall* membolehkan pelajar berlatih dengan cara yang menyenangkan, yang akhirnya mengurangkan kebosanan dan meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran.

Aplikasi ini bukan sahaja membantu dalam penguasaan kosa kata tetapi juga menyokong pendekatan pembelajaran yang lebih berpusatkan pelajar, di mana pelajar dapat belajar mengikut kemampuan dan kadar mereka sendiri. Walaupun terdapat beberapa cabaran seperti keperluan penyesuaian kandungan, kefahaman teknologi, dan akses kepada peranti, manfaat yang ditawarkan oleh aplikasi ini jelas mengatasi kekangan yang ada. Penggunaan *Wordwall* juga seiring dengan perkembangan teknologi pendidikan yang semakin pesat dan keperluan untuk menggunakan kaedah pembelajaran yang lebih dinamik dan responsif.

Secara keseluruhannya, *Wordwall* dapat dianggap sebagai satu inovasi pembelajaran yang berkesan dalam pengajaran kosa kata Bahasa Arab. Integrasi aplikasi ini dalam kurikulum Bahasa Arab boleh membantu memperkukuh proses pembelajaran, meningkatkan minat pelajar, dan akhirnya, memperbaiki pencapaian akademik mereka dalam penguasaan Bahasa Arab. Bagi memastikan impak yang berkesan, sokongan yang mencukupi kepada guru dan penyesuaian kandungan yang teliti perlu diberikan agar aplikasi ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Penyelidikan lanjut dan pelaksanaan yang berterusan diperlukan untuk memperbaiki kaedah ini dan mengoptimalkan penggunaan aplikasi ini dalam konteks pembelajaran Bahasa Arab.

### Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, dorongan dan kerjasama dalam menjayakan penulisan artikel ini. Segala sumbangan dalam bentuk idea, maklumat dan semangat amat dihargai dan menjadi pemangkin kepada penyempurnaan penulisan ini.

### Rujukan

- Alfares, N. S. (2025). Investigating the efficacy of Wordwall platform in enhancing vocabulary learning in Saudi EFL classroom. *International Journal of Game-Based Learning*, 15(1), 1–12. <https://doi.org/10.4018/IJGBL.367870>
- Alifia, A. R., Ilham, M. N., Syaifuddin, T. S. R., Sampurno, T. A. M., & Asrori, I. (2024). Media pembelajaran interaktif berbasis PowerPoint-Wordwall untuk memudahkan anak dalam menghafal kosakata bahasa Arab. *Proceeding of International Conference on Arabic Language*, 11(9). <https://prosiding.arab-um.com/index.php/konasbara/article/view/1617>

- Almuafa, I., & Alqurashi, M. (2025). The impact of using Wordwall interactive games on English vocabulary acquisition: Evidence from Saudi Arabia. *International Journal of Linguistics*, 15(2), 154–169. <https://doi.org/10.5296/ijl.v15i2.22685>
- Boone, H., & Boone, D. (2012). Analyzing Likert data. *Journal of Extension*, 50, Article 48. <https://doi.org/10.34068/joe.50.02.48>
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2018). *Research methods in education* (8th ed.). New York: Taylor & Francis Group.
- Hajar, N., Ahmad, F., & Zainuddin, M. (2024). Utilization of Wordwall media in Arabic vocabulary learning towards eighth graders. *Jurnal Al Bayan: Jurnal Jurusan Pendidikan Bahasa Arab*, 16(1), 55–68. <https://doi.org/10.24042/albayan.v16i1.20451>
- Hanifah, N. A. (2018). Peningkatan penguasaan kosakata bahasa Arab melalui penggunaan media Word Wall. *Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra, dan Budaya Arab*, 1(1), 1–16. <https://doi.org/10.17509/alsuniyat.v1i1.24212>
- Hassan, N., & Zainal, R. (2020). The impact of interactive learning tools on vocabulary acquisition in Arabic language learning. *Arab World English Journal*, 11(1), 75–88.
- Mat Husin, N. S., & Mahamod, Z. (2023). Tahap minat dan persepsi pelajar sekolah menengah rendah terhadap penggunaan bahan pembelajaran gamifikasi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 14(2), 131–145. doi:10.37134/pendeta. vol14.2.11.2023
- Ibrahim, M. A., & Noor, N. M. (2021). Enhancing Arabic vocabulary learning through game-based tools. *Journal of Arabic Linguistics*, 9(2), 88–101.
- Ibrahim, S., & Mahmud, R. (2020). Teachers' readiness for integrating digital tools in language teaching. *Journal of Education and e-Learning Research*, 7(1), 19–28.
- Ilahiyati, N., Rohmah, Z., & Hamamah, H. (2023). The implementation of Wordwall games in vocabulary learning. *Indonesian Journal of English Education*, 10(1), 144–159.
- Istizada. (2025). Complete list of Arabic speaking countries. Retrieved July 24, 2025, from [https://istizada.com/complete-list-of-arabic-speaking-countries/?utm\\_source](https://istizada.com/complete-list-of-arabic-speaking-countries/?utm_source)
- Mawaddah, A., Nasiruddin, Zahasfan, A. I., & Ningsih, K. (2024). Utilizing Wordwall interactive games for evaluating Arabic language learning in Madrasah Tarbiyah Islamiah Bayur West Sumatra. *Borneo Journal of Language and Education*, 4(2), 372–384.
- Moidunny, K. (2009). *Keberkesanan Program Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan (NPQH) (Tesis Doktor Falsafah)*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. <http://eprints.iab.edu.my/v2/682/>
- Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step-by-step guide to data analysis using SPSS program* (7th ed.). Open University Press. <https://doi.org/10.4324/9781003117452>
- Pembelajaran gamifikasi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. (2022). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(2), 89–108.
- Prensky, M. (2001). Digital game-based learning. *Computers in Entertainment*, 1(1), 21–29.
- Saariah, S., Azzahra, L. Q., Syarafina, D. A., Nasiruddin, N., & Jariah, A. (2024). Wordwall media game in mastery of Arabic vocabulary. *Al Mi'yar: Jurnal Ilmiah Pembelajaran Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*, 7(2), 749–756. <https://doi.org/10.35931/am.v7i2.3831>
- Setiawan, U. (2024). Efektivitas media Word Wall dalam pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Bahasa dan Teknologi*, 6(2), 56–71.
- Setyorini, D., Mubarak, M. H., Satriani, & Zainal, N. F. (2024). Penerapan media pembelajaran Wordwall dalam meningkatkan hasil belajar Bahasa Arab pada siswa kelas VIII A di MTsN 1 Plus Riset Manado. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 8(1), 12–27.



- Shiddiq, J. (2021). Inovasi pemanfaatan Wordwall sebagai media game-based learning untuk bahasa Arab. *Jurnal Al-Lisan*, 5(1), 151–169.
- Smith, A., & Jones, L. (2020). Interactive learning platforms for language acquisition: A comparative study. *Language Learning & Technology*, 24(3), 110–125.
- Turohmah, E., Fauzia, S., & Mayori, R. (2020). Media pembelajaran Word Wall dalam meningkatkan kemampuan mengingat kosa kata bahasa Arab. *Jurnal Pendidikan Luar Sekolah*, 14(1), 13–21. <https://doi.org/10.32832/jpls.v14i1.3176>
- Zaini, Z., & Razak, K. A. (2022). Minat dan motivasi murid terhadap penggunaan aplikasi interaktif dalam Pendidikan Islam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(3). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1372>
- Zainuddin, N., & Hanafi, A. (2022). Gamification in language learning: A case study using Wordwall in Arabic classrooms. *International Journal of Education and Practice*, 10(1), 55–67.
- Zulkifli, A. (2020). Efektivitas penggunaan media Word Wall (Jidaru al-Kalimah) dalam penguasaan kosakata Bahasa Arab siswa kelas X SMA Negeri 1 Pangkep. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 5(2), 45–59.